



KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA

Jabatan Pendidikan Negeri Selangor



KCMS

Kit Celik Mengarang Selangor

ISI KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
Prakata	i
Pengenalan	li
Matlamat KCMS	iii
Panduan Penggunaan KCMS	iv
Ciri-ciri Kit KCMS	v
Kunci Kejayaan Celik Mengarang	vi
Pelaksanaan KCMS di Sekolah	vii

KIT CELIK MENGARANG SELANGOR | SEKOLAH RENDAH

Teknik ASBAT	1
Teknik PP DAKU	8
Teknik MAS3BM	16
Teknik Bograf	27
Latihan	41

KIT CELIK MENGARANG SELANGOR | SEKOLAH MENENGAH

Teknik TIK, Tohucokep dan KeCaHa	44
Contoh Kemahiran 3.4.1 & 3.4.2 (Tema Keselamatan)	
Contoh Kemahiran 3.4.3 (Tema Sukan)	
Contoh Kemahiran 3.4.4 (Tema Sukan)	
Contoh Kemahiran 3.4.5 (Tema Kesihatan & Kebersihan)	
Latihan	
Aktiviti Pengukuhan	57
Lampiran	63
Sekalung Penghargaan	64
Glosari	65
Rujukan	66

PRAKATA

Setinggi-tinggi syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya **Kit Celik Mengarang (KCM) Peringkat Negeri Selangor** berjaya dihasilkan.

Kit yang dihasilkan ini adalah untuk membantu guru-guru melaksanakan **sesi pengajaran proses mengarang dengan teknik yang tepat**, khususnya mengenai teknik pengajaran proses-proses mengarang kepada murid yang berprestasi rendah dan sederhana serta menghadapi kesukaran untuk menjana idea dalam penulisan karangan. Kit ini juga berfokus pada kaedah proses mengarang, iaitu membina kemahiran menulis dalam kalangan murid melalui mekanisme pengajaran karangan secara berpandu.

Panduan, contoh-contoh, tip dan latihan yang digarapkan dalam KCM ini diharapkan dapat memudahkan para guru untuk memahami dan menggunakan KCM ini. Sehubungan dengan itu, besarlah harapan pihak Jabatan ini agar KCM ini dimanfaatkan sepenuhnya oleh Panitia Bahasa Melayu untuk diajarkan kepada murid-murid di sekolah.

Bagi pihak Jabatan Pendidikan Negeri Selangor, saya ingin merakamkan tahniah dan penghargaan yang setinggi-tingginya kepada Unit Bahasa, Sektor Pembelajaran dan semua panel penggubal atas usaha murni untuk menghasilkan KCM ini. Semoga KCM ini dapat dimanfaatkan dengan sebaik-baiknya oleh semua guru yang mengajarkan mata pelajaran Bahasa Melayu di negeri Selangor yang terbilang ini.

Saya berharap semoga usaha murni ini mampu memotivasikan para guru bagi merangsang pemikiran murid dan menimbulkan kegembiraan belajar di sekolah selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan negara kita.

Sekian, terima kasih.

Dr. Mahanom binti Mat Sam

Pengarah Pendidikan

Jabatan Pendidikan Negeri Selangor

Pengenalan

Kemahiran mengarang bukan sahaja penting untuk tujuan akademik seperti menjawab soalan peperiksaan, menulis laporan, dan menyiapkan tugas tetapi juga untuk memenuhi keperluan dalam kehidupan seharian dan alam profesional di tempat kerja. Dalam usaha untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara industri, guna tenaga mahir amat diperlukan. Penggunaan tenaga mahir ini bukan sahaja dalam konteks sains dan teknologi tetapi juga dalam kemahiran berbahasa khususnya kemahiran menulis.

Sehubungan dengan itu, tumpuan pengajaran dan pembelajaran guru perlu difokuskan pada **proses** mengarang dan bukannya pada **hasil** karangan semata-mata. Bentuk pengajaran guru perlu berubah daripada berbentuk linear seperti pendekatan pengajaran yang menekankan aspek input isi kepada strategi mengarang yang menggunakan pelbagai teknik untuk menjana idea. Bentuk pengajaran yang lebih berorientasikan peperiksaan perlu diubah kepada latihan dan pendedahan untuk mempertingkatkan kemahiran mengarang dalam kalangan murid.

Dengan hal yang demikian, murid sekolah masa ini harus didedahkan dengan teknik mengarang yang membolehkan mereka mempelajari dan menggunakan kemahiran mengarang sejak awal lagi. Lantaran itu, para pendidik memainkan peranan yang amat penting untuk memastikan pengajaran dan pembelajaran mengarang di dalam kelas dilakukan dengan berkesan dan mampu membantu semua murid, terutamanya murid yang memerlukan perhatian khusus untuk menguasai kemahiran menulis karangan.

Semoga Kit Celik Mengarang ini dapat membantu para pendidik mengajar murid proses mengarang berpanduan strategi dan teknik yang disediakan bagi memastikan kemahiran mengarang dikuasai oleh murid.

Unit Bahasa

Sektor Pembelajaran, Jabatan Pendidikan Negeri Selangor
2019

MATLAMAT KCMS

01

PANDUAN GURU

Sebagai panduan kepada guru semasa mengajarkan teknik penulisan karangan kepada murid di dalam kelas.



02

CELIK MENGARANG

Membantu murid untuk menjanakan idea dan menyiapkan aktiviti penulisan karangan dengan menggunakan teknik yang disediakan.



03

ALAT BERFIKIR

Teknik mengarang dalam KCM digunakan sebagai alat pemikiran untuk murid membina ayat dan menjanakan idea karangan.



04

P&P MENYERONOKKAN

Mendorong guru agar melaksanakan P&P abad ke-21 dengan berdasarkan contoh RPH dan BBM yang disediakan.



“**guru** merupakan **arkitek** utama dalam pembentukan sesuatu kemahiran murid”
(Mangantar Simanjuntak 1987)

CIRI-CIRI KCMS

01

5 teknik Celik Mengarang berbentuk grafik

02

Berdasarkan DSKP & Tema Buku Teks

03

Contoh Penggunaan, RPH Contoh & Karangan Contoh

04


Panduan Pelaksanaan Untuk Guru

05

Latihan Murid, Aktiviti Pengukuhan & Tip-tip Mengarang

06

Salinan Lembut untuk Semua Teknik



KUNCI KEJAYAAN CELIK MENGARANG

CELIK MENGARANG




1

Aktiviti mengarang mengikut proses yang tepat:

2

Menggunakan teknik penyoalan untuk menjanakan idea:



apa

merujuk perkara yang berkaitan haiwan, benda dan perkara yang tidak pasti.

siapa

merujuk manusia yang terlibat

bilakah

merujuk masa, tempoh, waktu

berapa

merujuk bilangan, jumlah, harga

mana

merujuk tempat dan kedudukan

mengapa

merujuk sebab atau alasan

bagaimana

merujuk cara, keadaan, langkah, punca, proses

PELAKSANAAN DI SEKOLAH



DIPERBANYAK


Guru boleh mencetak dan memfotostat lampiran teknik-teknik yang dikehendaki dan dijadikan lembaran latihan kepada murid setiap hari. Hasil latihan ditampal dalam buku latihan penulisan murid bersama-sama dengan pembetulan dan contoh binaan ayat yang sepatutnya.

1

2

CETAK DAN LAMINATE

Guru boleh mencetak dan *lamine* borang-borang teknik yang berkenaan untuk dijadikan bahan bantu belajar seiring dengan Pembelajaran Abad Ke-21. Borang-borang ini dapat digunakan berulang-ulang kali.



LAMPIRAN KCM


Guru boleh terus menggunakan lembaran borang teknik yang disediakan dalam Kit Celik Mengarang. Namun bilangan lampiran borang yang disediakan adalah terhad.

3

4

LATIHAN SECARA DIGITAL

Borang lampiran teknik-teknik juga disediakan dalam bentuk digital melalui CD yang dibekalkan bersama-sama KCM. Murid boleh membuat latihan dengan menggunakan kemudahan komputer. Kaedah ini boleh dilakukan sebagai usaha untuk menarik minat murid membina karangan dengan menggunakan teknologi terkini.



KIT CELIK MENGARANG
PENGUASAAN KEMAHIRAN MENULIS
TEKNIK ASBAT



Teliti gambar / baca soalan bagi memahami kehendak soalan penulisan tersebut.

Kenal pasti maklumat daripada gambar yang diberikan dan tulis maklumat tersebut dalam jadual kosa kata di bawah. Aktiviti ini boleh dilakukan secara sumbang saran dalam kumpulan kecil.

2



Langkah Pelaksanaan Teknik ASBAT

03 LENGKAPKAN JADUAL ASBAT

Hasil maklumat daripada Jadual Kosa Kata, lengkapkan dan susun maklumat berkenaan dalam Jadual ASBAT di bawah. Masukkan penanda wacana dan kata sendi yang tepat.

APA / SIAPA	BUAT	APA	TEMPAT
Ibu	memasak kari / menggoreng ikan	dengan periuk / dengan kualiti	di dapur
Datuk	menuangkan air	dari cerek ke dalam cawan	di atas meja
Kakak	membasuh pinggan	dengan menggunakan sabun	di singki
Nenek	memotong sayur	dengan pisau	di meja makan
Abang	menumbuk cili	dengan antan	di dalam lesung
Mohan	mengelap pinggan	dengan kain	di tepi rak pinggan

04 GABUNGKAN SEMUA AYAT

Akhir sekali, gabungkan semua ayat yang dibentuk dalam Jadual ASBAT. Masukkan perenggan Pendahuluan dan perenggan Penutup.



Keluarga saya sedang membuat persediaan makan tengah hari di dapur.

Ibu menggoreng ikan dengan kualiti di dapur. Datuk menuangkan air dari cerek ke dalam cawan di atas meja. Selain itu, nenek pula memotong sayur dengan menggunakan pisau di meja makan. Abang menumbuk cili dengan antan di dalam lesung. Kakak pula membasuh pinggan dengan menggunakan sabun di singki. Mohan mengelap pinggan dengan kain di tepi rak pinggan.

Kami sekeluarga bekerjasama menyiapkan makan tengah hari keluarga kami.



Tahniah, anda telah berjaya membina satu karangan lengkap berpandukan tajuk yang diberikan!

05 AKTIVITI PENGUKUHAN

Semak karangan murid dan berikan contoh karangan yang sepatutnya ditulis. Murid boleh menyalin karangan contoh itu semula sebagai aktiviti pengayaan.

CONTOH 1 : RPH TEKNIK ASBAT

1	Tema Tajuk	: Keluarga : Mesranya Keluarga Saya
2	Standard Kandungan Standard Pembelajaran	:3.3 Membina dan menulis perkataan, frasa dan ayat dengan betul :3.3.4 Membina kerangka dan menulis pelbagai jenis karangan dengan betul
3	Objektif Pembelajaran	Pada akhir pembelajaran, murid dapat: Membina kerangka karangan dan menghasilkan penulisan karangan satu perenggan.
4	Kriteria Kejayaan	Saya dikira berjaya sekiranya dapat: 1. Membina satu kerangka dan menulis satu karangan 2. Menghasilkan perenggan yang kohesi dan koheren dengan betulnya.
5	Cadangan Aktiviti P&P	1. Set Induksi. Ubah suai lagu NIKO(video lagu) (https://www.youtube.com/watch?v=Wwx2B_MRkDg .) 2. Murid mendapatkan maklumat dengan menggunakan teknik ASBAT. 3. Murid mencatat maklumat berdasarkan bahan grafik. 4. Murid membina ayat berdasarkan bahan grafik dan teknik ASBAT. 5. Murid menulis ayat yang telah dibina dalam bentuk perenggan.
6	Cadangan Aktiviti PAK-21	KAEDAH Tikar Perpaduan (Placemat Consensus) 1. Guru membaca soalan atau pernyataan. 2. Murid membaca maklumat berdasarkan gambar. 3. Murid menulis kata kerja pada ruang yang disediakan. 4. Murid berbincang untuk memilih kata kerja yang paling sesuai lalu ditulis pada petak tengah. 5. Guru meminta setiap kumpulan membaca jawapan yang terbaik. 6. Murid membina ayat berdasarkan kata kerja yang dipilih. 7. Murid menggabungkan semua ayat yang telah dibina secara tersusun untuk dijadikan perenggan yang kohesi.
7	Latihan Pengukuhan & Pengayaan	Murid membina ayat untuk dijadikan karangan yang bertajuk “Aktiviti Bersama Keluarga di Dapur”.
8	Penyerapan Ilmu	Pengisian Kurikulum: KB- Menjanakan idea BBM: Bahan Grafik ASBAT, Komputer Nilai: Kasih sayang Peta iThink Peta Titi EMK: Pend. Moral Penilaian P&P: Hasil karangan murid
9	Refleksi / Impak	

CONTOH TEKNIK ASBAT

Tajuk

Aktiviti Bersama Keluarga di dapur

1 Kenal pasti maklumat berdasarkan gambar yang diberi.

Orang	Buat Apa	Benda	Tempat
Datuk Nenek Ibu Ayah Mohan Abang Kakak	menuangkan air memotong sayur memasak kari menggoreng ikan makan kuih mengelap pinggan menumbuk cili membasuh pinggan	cerek cawan pisau pinggan antan lesung batu kain pili periuk kuali sabun	di atas meja meja makan singki rak pinggan dapur gas dapur kerusi

2 Tuliskan perkataan berdasarkan jadual ASBAT.

APA / SIAPA	BUAT	APA	TEMPAT
Ibu	memasak kari / menggoreng ikan	dengan periuk /dengan kuali	di dapur
Datuk	menuangkan air	dari cerek ke dalam cawan	di atas meja
Kakak	membasuh pinggan	dengan menggunakan sabun	di singki
Nenek	memotong sayur	dengan pisau	di meja makan
Abang	menumbuk cili	dengan antan	di dalam lesung
Mohan	mengelap pinggan	dengan kain	di tepi rak pinggan

3 Salin semula semua perkataan dalam jadual ASBAT dalam bentuk perenggan pada ruang di bawah:.

Keluarga saya sedang membuat persediaan makan tengah hari di dapur.

Ibu menggoreng ikan dengan kuali di dapur. Datuk menuangkan air dari cerek ke dalam cawan di atas meja. Selain itu, nenek pula memotong sayur dengan menggunakan pisau di meja makan. Abang menumbuk cili dengan antan di dalam lesung. Kakak pula membasuh pinggan dengan menggunakan sabun di singki. Mohan mengelap pinggan dengan kain di tepi rak pinggan.

Kami sekeluarga bekerjasama menyiapkan makan tengah hari keluarga kami.



Tahniah, anda telah berjaya membina satu karangan lengkap berpandukan tajuk yang diberikan!

Teknik ASBAT : Latihan 1

Bina sebuah karangan lengkap dengan berdasarkan gambar di bawah.



Teknik ASBAT : Latihan 2

Bina sebuah karangan lengkap dengan berdasarkan gambar di bawah.



TEKNIK ASBAT

Tajuk

1 Kenal pasti maklumat berdasar gambar yang diberi.

Orang

Buat Apa

Benda

Tempat

--	--	--	--

2 Tuliskan perkataan berdasarkan jadual ASBAT.

APA / SIAPA	BUAT	APA	TEMPAT

3 Salin semua perkataan semula daripada jadual ASBAT dalam bentuk perenggan pada ruang di bawah:.

KIT CELIK MENGARANG

PENGUASAAN KEMAHIRAN MENULIS

TEKNIK PP DAKU





Langkah Pelaksanaan Teknik PP DAKU

01 CARI KATA KUNCI SOALAN PENULISAN

Baca soalan dan garisi kata kunci bagi memahami kehendak soalan penulisan tersebut.

Contoh:

Semua orang mempunyai keluarga.

Tulis sebuah karangan untuk tentang ahli keluarga yang paling kamu sayangi.

Tajuk

Ahli Keluarga yang saya sayangi

1

02 LENGKAPKAN PP (PENDAHULUAN DAN PENUTUP)

Tulis 1 - 2 ayat untuk pendahuluan dan 1-2 ayat untuk penutup.

P Pendahuluan

Ahli keluarga yang paling saya sayangi ialah ibu saya.

P Penutup

Oleh itu, ibulah orang yang paling saya sayangi.

2

03 JANA AYAT KARANGAN

Gunakan soalan **D** (di mana) **A** (apa) **K** (kenapa) dan **U** (untuk apa) seperti yang disediakan dalam teknik PP DAKU. Jawapan mestilah ditulis dengan menggunakan ayat yang lengkap.

Contoh:

D
Di mana?

Di manakah tempat tinggal keluarga kamu?

Keluarga saya tinggal di Shah Alam.

A
Apa?

Apakah makanan kegemaran ibu kamu?

Makanan kegemaran ibu saya ialah sate dan nasi lemak.

K
Kenapa?

Kenapakah kamu sayang akan ibu kamu?

Saya sayang akan ibu saya kerana ibu menjaga saya dari kecil.

U
Untuk?

Untuk apakah kamu sayang akan ibu?

Saya sayang akan ibu supaya ibu bahagia.

3



Langkah Pelaksanaan Teknik PP DAKU

04 GABUNGAN SEMUA AYAT

Akhir sekali, gabungkan semua ayat Pendahuluan, Ayat 1 hingga Ayat 4 (DAKU) dan ayat Penutup dalam ruangan terakhir. Tahniah, anda telah berjaya membina satu karangan lengkap berpandukan tajuk yang diberikan.

Ahli Keluarga yang saya sayang ialah ibu saya. Keluarga saya tinggal di Shah Alam. Makanan kegemaran ibu saya ialah sate dan nasi lemak. Saya sayang akan ibu kerana ibu menjaga saya dari kecil. Ibu juga memasak untuk kami sekeluarga. Saya sayang akan ibu supaya ibu bahagia. Oleh itu, ibulah orang yang paling saya sayangi.



Tahniah, anda telah berjaya membina satu karangan lengkap berpandukan tajuk yang diberikan!

05 AKTIVITI PENGUKUHAN

Semak karangan murid dan berikan contoh karangan yang sepatutnya ditulis. Murid boleh menyalin semula karangan contoh sebagai aktiviti pengayaan.

CONTOH RPH TEKNIK PP DAKU

1	Tema Tajuk	: Keselamatan : Menjaga Keselamatan Di Sekolah		
2	Standard Kandungan Standard Pembelajaran	:3.3 Membina dan menulis perkataan, frasa dan ayat dengan betul :3.3.4 Membina kerangka dan menulis pelbagai jenis karangan dengan betul		
3	Objektif Pembelajaran	Pada akhir pembelajaran, murid dapat: Menghasilkan penulisan karangan satu perenggan.		
4	Kriteria Kejayaan	Saya dikira berjaya sekiranya dapat: 1. Membina satu kerangka dan menulis satu karangan 2. Menulis untuk menyampaikan maklumat yang betul dengan menggunakan idea utama dan idea sampingan secara kohesi dan koheren. 3. Menghasilkan perenggan yang kohesi dan koheren dengan betulnya.		
5	Cadangan Aktiviti P&P	1. Set Induksi. Melihat gambar yang diberikan dan menyatakan beberapa tempat di kawasan sekolah yang bahaya. 2. Murid menyebut perkataan berdasarkan gambar 3. Murid mencatat perkataan pada kad perkataan dan meletakkannya pada gambar. 4. Murid membina ayat berdasarkan bahan grafik PP DAKU 5. Murid menulis ayat yang telah dibina dalam bentuk perenggan.		
6	Cadangan Aktiviti PAK-21	KAEDAH HENTIAN BAS (<i>Bus Stop</i>) 1. Murid dipecahkan kepada empat kumpulan 2. Setiap kumpulan diberikan tajuk “Jaga Keselamatan Diri” 3. Murid berbincang dan melengkapkan bahan grafik PP DAKU dalam kumpulan. 4. Murid menampal bahan grafik PP DAKU yang dibina dalam kumpulan pada sudut atau hentian yang telah ditetapkan. 5. Setiap kumpulan bergerak ke setiap hentian (5-7minit) dan murid berbincang serta mencatat maklumat di setiap hentian.		
7	Latihan Pengukuhan & Pengayaan	Murid membina ayat untuk dijadikan karangan yang bertajuk “Menjaga Keselamatan Diri”		
8	Penyerapan Ilmu	Pengisian Kurikulum: KB- Menjanakan idea BBM: Bahan Grafik PP DAKU, Komputer	Nilai: Keselamatan Peta iThink Peta Bulatan	EMK: Pend. kesihatan Penilaian P&P: Hasil karangan murid
9	Refleksi / Impak			

TEKNIK PP DAKU

Tajuk

Menjaga Keselamatan di Sekolah

1

P Pendahuluan

Kita perlulah menjaga keselamatan diri di sekolah.

P Penutup

Menjaga keselamatan diri di sekolah ialah amalan yang baik.

2

D Di mana?

Di manakah kita perlu menjaga keselamatan diri?

Kita perlu menjaga keselamatan diri di kelas, di kantin atau di padang.

A Apa?

Apakah cara menjaga keselamatan diri?

Kita menjaga keselamatan diri dengan mematuhi peraturan sekolah.

3

K Kenapa?

Kenapakah kita perlu menjaga keselamatan diri?

Kita perlu menjaga keselamatan diri supaya kita selamat.

U Untuk?

Untuk apakah kita menjaga keselamatan diri?

Apabila kita selamat, badan kita sihat dan boleh belajar dengan baik.

Kita perlulah menjaga keselamatan diri di sekolah. Kita perlu menjaga keselamatan diri di kelas, kantin atau di padang. Kita menjaga keselamatan diri dengan mematuhi peraturan sekolah. Kita perlu menjaga keselamatan diri supaya tubuh badan kita selamat. Apabila kita selamat, badan kita sihat dan boleh belajar dengan baik. Menjaga keselamatan diri di sekolah adalah amalan yang baik.

4

TEKNIK PP DAKU

CONTOH 1

Tajuk

Ahli Keluarga yang saya sayang

1

P Pendahuluan

Ahli keluarga yang paling saya sayangi ialah ibu saya.

P Penutup

Oleh itu, ibulah orang yang paling saya sayangi.

2

D Di mana?

Di manakah tempat tinggal keluarga kamu?

Keluarga saya tinggal di Shah Alam.

A Apa?

Apakah makanan kegemaran ibu kamu?

Makanan kegemaran ibu saya ialah sate dan nasi lemak.

3

K Kenapa?

Kenapakah kamu sayang akan ibu kamu?

Saya sayang akan ibu saya kerana ibu menjaga saya dari kecil.

U Untuk?

Untuk apakah kamu sayang akan ibu?

Saya sayang akan ibu supaya ibu bahagia.

4

Ahli Keluarga yang saya sayang ialah ibu saya. Keluarga saya tinggal di Shah Alam. Makanan kegemaran ibu saya ialah sate dan nasi lemak. Saya sayang akan ibu kerana ibu menjaga saya dari kecil. Ibu juga memasak untuk kami sekeluarga. Saya sayang akan ibu supaya ibu bahagia. Oleh itu, ibulah orang yang paling saya sayangi.

TEKNIK PP DAKU

CONTOH 2

Tajuk

Menjaga Kesihatan Diri

1

P Pendahuluan

Kita perlulah menjaga kesihatan diri.

P Penutup

Menjaga kesihatan diri ialah amalan yang baik.

2

D Di mana?

Di manakah kita boleh mendapatkan rawatan kesihatan?

Kita boleh mendapatkan rawatan kesihatan di klinik atau hospital.

A Apa?

Apakah cara kita menjaga kesihatan diri?

Kita menjaga kesihatan diri dengan makan makanan yang berkhasiat dan seimbang.

3

K Kenapa?

Kenapakah kita perlu menjaga kesihatan diri?

Kita perlu menjaga kesihatan diri supaya tubuh badan kita sihat dan kuat.

U Untuk?

Untuk apakah kita perlu menjaga kesihatan diri?

Apabila tubuh badan kita kuat, tubuh badan kita boleh melawan penyakit berbahaya.

4

Kita perlulah menjaga kesihatan diri. Kita boleh mendapatkan rawatan kesihatan di klinik atau hospital. Kita menjaga kesihatan diri dengan makan makanan yang berkhasiat dan seimbang. Kita perlu menjaga kesihatan diri supaya tubuh badan kita sihat dan kuat. Apabila tubuh badan kita kuat, tubuh badan kita boleh melawan penyakit berbahaya. Menjaga kesihatan diri ialah amalan yang baik.

TEKNIK PP DAKU

Tajuk

1

P Pendahuluan

P Penutup

2

D
Di mana?

Di manakah _____?

A
Apa?

Apakah _____?

K
Kenapa?

Kenapakah _____?

U
Untuk?

Untuk apakah _____?

4


KIT CELIK MENGARANG **PENGUASAAN KEMAHIRAN MENULIS** **TEKNIK MAS3BM**



TEKNIK MAS3BM

Pengenalan : Teknik **MAS3BM** merupakan alat yang digunakan untuk membantu dan memudahkan murid pelbagai aras menjanakan idea bagi menulis karangan yang lengkap.

TEKNIK MAS3BM



Muka surat 1

TEKNIK MAS3BM

Susun dan salin semua jawapan anda di sebelah untuk membina karangan lengkap dalam ruangan di bawah :


Tajuk: _____

Tahniah

Gunakan penanda wacana untuk menggabungkan ayat-ayat:
Selain itu, Kemudian,
Tambahan pula, Selepas itu,
Oleh itu, Akhirnya,

Muka surat 2

MAS3BM ialah akronim berdasarkan kata tanya berikut:





Langkah Pelaksanaan Teknik MAS³BM (Panduan Guru)

01 CARI KATA KUNCI SOALAN PENULISAN

Baca soalan dan gariskan kata kunci bagi memahami kehendak soalan penulisan tersebut.

Contoh seperti soalan di bawah:

Kita semua perlu menjaga alam sekitar.

Tulis sebuah karangan mengenai
kempen alam sekitar
yang dilakukan di sekolah kamu.



02 KENAL PASTI KATA TANYA

apa	merujuk perkara yang berkaitan haiwan, benda dan perkara yang tidak pasti.
siapa	merujuk manusia yang terlibat
bilakah	merujuk masa, tempoh, waktu
berapa	merujuk bilangan, jumlah, harga
mana	merujuk tempat dan kedudukan
mengapa	merujuk sebab atau alasan
bagaimana	merujuk cara, keadaan, langkah, punca, proses

TIP PENTING:

Murid boleh mengubah soalan sekiranya mereka tidak dapat menggunakan mana-mana kata tanya bagi **3B** 'berapa'. Contoh seperti dalam lembaran di muka surat 29 (Contoh Teknik MAS³BM)

03 MEMBINA SOALAN & JAWAPAN

Murid membina soalan-soalan berkaitan tajuk karangan dan menuliskan jawapan lengkap dalam ruangan MAS3BM yang disediakan seperti di bawah. Murid boleh mengubah soalan sekiranya mereka tidak dapat menggunakan kata tanya 'berapa'

TAJUK

Kempen Alam Sekitar di sekolah saya.

MENGAPA?

Mengapa kempen alam sekitar diadakan?

Kempen alam sekitar diadakan untuk menjaga alam sekitar.

M A S 3 B M

APA?

Apakah aktiviti-aktiviti yang dijalankan?

Antara aktiviti yang dijalankan ialah ceramah kesedaran, bergotong-royong dan menanam pokok bunga.

M A S 3 B M

SIAPA?

Siapakah yang akan hadir?

Semua guru, ibu bapa dan murid telah hadir pada hari itu.

M A S 3 B M

BILA?

Bila kempen alam sekitar diadakan?

Kempen alam sekitar diadakan pada 5 Jun 2019.

M A S 3 B M

***BAGAIMANA?**

Bagaimanakah perasaan kamu?

Saya berasa bangga dan gembira kerana dapat membantu menjaga alam sekitar.

M A S 3 B M

BERAPA?

Berapa aktiviti yang dijalankan?

Sebanyak tiga aktiviti yang dijalankan pada hari itu.

M A S 3 B M

MANA?

Dimanakah kempen alam sekitar diadakan?

Kempen alam sekitar diadakan di SJK Tamil Bukit Beruntung

M A S 3 B M



Langkah Pelaksanaan Teknik MAS3BM

04 PELBAGAIKAN AKTIVITI

Aktiviti ini boleh dijalankan secara berkumpulan bagi merangsang pemikiran murid. Guru juga boleh memotong bahagian-bahagian kereta api. Murid membina 'kereta api' secara kumpulan atau individu. Murid menyusun ayat-ayat mengikut bahagian kereta api.

05 GABUNGAN SEMUA AYAT

Akhir sekali, susun dan gabungkan semua ayat jawapan yang dibina berdasarkan 7 ruang soalan dalam MAS3BM. Gunakan penanda wacana yang sesuai untuk menggabungkan ayat-ayat yang telah dibina.

Kempen Alam Sekitar di Sekolah Saya

Kempen alam sekitar diadakan di SJK Tamil Bukit Beruntung. Kempen alam sekitar diadakan untuk menjaga alam sekitar.

Kempen alam sekitar diadakan pada 5 Jun 2019. Semua guru, ibu bapa dan murid telah hadir pada hari itu.

Sebanyak tiga aktiviti telah dijalankan pada hari itu. Antara aktiviti yang dijalankan ialah ceramah kesedaran, bergotong-royong dan menanam pokok bunga.


Saya berasa bangga dan gembira kerana dapat membantu menjaga alam sekitar.

✓ Tahniah, anda telah berjaya membina satu karangan lengkap berpanduan tajuk yang diberikan!

06 AKTIVITI PENGUKUHAN

Semak karangan murid dan berikan contoh karangan yang sepatutnya ditulis. Murid boleh menyalin semula karangan contoh sebagai aktiviti pengayaan.

CONTOH TEKNIK MAS3BM



* Ubah soalan 'berapa' ke 'bagaimana'

TEKNIK MAS3BM

Susun dan salin semua jawapan anda untuk membina karangan lengkap dalam ruangan di bawah :

Tajuk: Menjaga Kesihatan Diri

Kita perlu menjaga kesihatan diri supaya kita sihat. **Oleh itu**, kita perlu makan makanan yang berkhasiat.

Semua rakyat Malaysia perlu menjaga kesihatan diri. Kita perlu menjaga kesihatan diri pada setiap masa. Kita menjaga kesihatan diri dengan bersenam.

Selain itu, kita juga boleh menjaga kesihatan diri dengan minum air yang bersih. **Akhirnya**, kita perlu menjaga kesihatan diri apabila berada di rumah, sekolah dan lain-lain.

Tahniah

Gunakan penanda wacana untuk menggabungkan ayat-ayat:

Selain itu, **Kemudian**,
Tambahan pula,
Selepas itu, **Oleh itu**,
Akhirnya,

TEKNIK MAS3BM : CONTOH RPH

1	Tema Tajuk	: Jati Diri, Patriotisme dan Kewarganegaraan : Hari Kemerdekaan di Sekolah Saya		
2	Standard Kandungan Standard Pembelajaran	:3.3 Menghasilkan penulisan :3.3.1 Menulis draf, dan menghasilkan penulisan imaginatif dan deskriptif. Pada akhir pembelajaran, murid dapat: Membina draf karangan dan menghasilkan satu perenggan karangan imaginatif.		
3	Objektif Pembelajaran			
4	Kriteria Kejayaan	Saya dikira berjaya sekiranya dapat: 1. Membina satu draf karangan 2. Menghasilkan satu perenggan karangan imaginatif dengan tepat. 1. Set Induksi. Tayangan video lagu Tanggal 31. 2. Murid bersoal jawab tentang hari kemerdekaan. 3. Murid meneliti gambar susana hari kemerdekaan di sekolah. 4. Murid membina soalan dan jawapan secara berkumpulan dengan menggunakan teknik MAS3BM untuk membuat draf karangan. 5. Murid menulis ayat yang telah dibina dalam bentuk perenggan. 6. Murid membaca kuat karangan yang dibina.		
5	Cadangan Aktiviti P&P	KAEDAH <i>Gallery Walk</i> 1. Murid menampal draf dan hasil perenggan karangan yang dibina. 2. Murid meneliti dan membaca hasil karangan kumpulan lain. 3. Murid memberikan bintang, untuk karangan yang paling mereka gemari.		
6	Cadangan Aktiviti PAK-21			
7	Latihan Pengukuhan & Pengayaan	Murid membina ayat untuk dijadikan karangan yang bertajuk “Sambutan Hari Kemerdekaan di Sekolah Saya”.		
8	Penyerapan Ilmu	Pengisian Kurikulum: KB- Menjanakan idea	Nilai: Patriotisme	EMK: Pend. Moral
		BBM: Bahan Grafik MAS3BM, Komputer	Peta iThink Peta Bulatan	Penilaian P&P: Hasil karangan murid
9	Refleksi / Impak			

TEKNIK MAS3BM : CONTOH KARANGAN

Pedagogi Terbeza:

Teknik MAS3BM boleh dilaksanakan berdasarkan pelbagai aras murid iaitu :

1

KATEGORI 1

Murid lemah: boleh mencantumkan sahaja karangan dan menambah penanda wacana yang dipelajari.

Kita perlu menjaga kesihatan diri supaya kita sihat. Oleh itu, kita perlu makan makanan yang berkhasiat.

Semua rakyat Malaysia perlu menjaga kesihatan diri. Kita perlu menjaga kesihatan diri pada setiap masa. Kita menjaga kesihatan diri dengan bersenam.

Selain itu, kita juga boleh menjaga kesihatan diri dengan minum air yang bersih. Akhirnya, kita perlu menjaga kesihatan diri apabila berada di rumah, sekolah dan lain-lain.

2

KATEGORI 2

Murid Sederhana : menyusun semula ayat karangan dan menambah penanda wacana berserta contoh yang sesuai.

Tajuk: Menjaga Kesihatan Diri

Semua rakyat Malaysia perlu menjaga kesihatan diri. Kita perlu menjaga kesihatan diri pada setiap masa. Kita perlu menjaga kesihatan diri supaya badan kita sihat.

Oleh itu, untuk menjaga kesihatan diri, kita perlu makan makanan yang berkhasiat seperti sayur-sayuran dan buah-buahan. Selain itu, kita juga perlu kurangkan makanan ringan dan minuman yang manis kerana ia tidak baik untuk kesihatan badan kita.

Untuk menjaga kesihatan diri, kita juga perlu mandi dan menggosok gigi sekurang-kurangnya dua kali sehari. Selain itu, bersenam juga dapat menjaga kesihatan diri kita.

Akhirnya, kita perlu menjaga kesihatan diri di mana-mana jua berada contohnya di rumah, sekolah dan lain-lain. Dengan menjaga kesihatan diri hidup kita akan bahagia.

3

KATEGORI 3

Murid Cemerlang : akan menyusun semula ayat karangan menjadi lebih gramatis , menggunakan penanda wacana dan contoh yang sesuai.

Tajuk: Menjaga Kesihatan Diri

Semua rakyat Malaysia perlu menjaga kesihatan diri. Kesihatan diri sangat penting dijaga pada setiap masa. Kesihatan yang baik dapat menjamin kehidupan yang sihat.

Oleh itu, untuk menjaga kesihatan diri, kita perlu makan makanan yang berkhasiat seperti sayur-sayuran dan buah-buahan. Selain itu, kita juga perlu kurangkan makanan ringan dan minuman yang manis kerana ia tidak baik untuk kesihatan badan kita.

Untuk menjaga kesihatan diri, kita juga perlu mandi dan menggosok gigi sekurang-kurangnya dua kali sehari. Selain itu, bersenam juga dapat menjaga kesihatan diri kita. Apatah lagi, rakyat Malaysia kini telah menyedari kepentingan melakukan senaman. Kita disarankan bersenam sekurang-kurangnya 10 minit pada setiap pagi dan jauhi perbuatan yang mengundang bahaya seperti merokok, meminum minuman keras dan penyalahgunaan dadah.

Akhirnya, menjaga kesihatan diri itu sangat penting diterapkan dalam diri di mana-mana jua berada contohnya di rumah, sekolah dan lain-lain. Dengan menjaga kesihatan diri hidup kita akan bahagia.

TEKNIK MAS3BM

TAJUK

MENGAPA?

Soalan:

MAS 3 BM

APA?

Soalan:

MAS 3 BM

SIAPA?

Soalan:

MAS 3 BM

BILA?

Soalan:

MAS 3 BM

BERAPA?

Soalan:

MAS 3 BM

BAGAIMANA?

Soalan:

MAS 3 BM

MANA?

Soalan:

MAS 3 BM

TEKNIK MAS3BM

Susun dan salin semua jawapan anda untuk membina karangan lengkap dalam ruangan di bawah :

Tajuk: _____

Tahniah

Gunakan penanda wacana
untuk menggabungkan ayat-
ayat:

Selain itu, Kemudian,
Tambahan pula, Selepas itu,
Oleh itu, Akhirnya,



KIT CELIK MENGARANG **PENGUASAAN** **KEMAHIRAN MENULIS** **TEKNIK BOGRAF**



TEKNIK BoGraf

Pengenalan : Borang Grafik Menjana Idea Karangan (**BoGraf**) merupakan **alat berfikir berbentuk grafik** yang dibina khusus untuk **membantu murid menjana idea** bagi menulis dan **membentuk pemerenggan** isi karangan yang lengkap.

BOGRAF | TEKNIK MENJANA IDEA PENULISAN
rubiahy@gmail.com

1 Murid mesti **menyoal diri sendiri** dan menulis jawapan dalam bentuk ayat lengkap.

A

2 Contoh penggunaan **5W 1H** untuk menjana idea dalam menghasilkan sebuah perenggan lengkap.

Tajuk karangan : Cara Menjaga Kesihatan Diri
 Isi karangan : Bersenam

Ayat 1 : Penegasan ISI (*gabungkan tajuk dan isi di atas*)
 Cara menjaga kesihatan diri yang pertama adalah bersenam.

Ayat 2 : **Kenapa** kita perlu bersenam? (*tanya isi, bukan tajuk*)
 Ini adalah kerana, apabila bersenam badan kita akan menjadi sihat.

Ayat 3 : **Di mana** boleh bersenam? (*tanya isi, bukan tajuk*)
 Kita boleh bersenam di padang bola atau di taman-taman permainan.

3 Cantumkan semua **Ayat 1 hingga Ayat 3** dalam **SATU** perenggan :

Cara menjaga kesihatan diri yang pertama adalah bersenam. Ini adalah kerana, apabila bersenam badan kita akan menjadi sihat. Kita boleh bersenam di padang bola atau di taman-taman permainan.

Muka surat 1

BOGRAF | TEKNIK MENJANA IDEA PENULISAN
rubiahy@gmail.com

1 Tuliskan ringkasan soalan karangan dan isi karangan :

Tajuk

Isi

2 Gunakan **5W 1H** untuk membina ayat karangan:

Ayat 1 Ayat Topik (*gabungkan tajuk dan isi di atas*)

Ayat 2 Soalan: _____

Jawapan lengkap: _____

Ayat 3 Soalan: _____

Jawapan lengkap: _____

3 TULISKAN PERENGKAN LENGKAP (salin semua jawapan anda di atas) :

Muka surat 2

Teknik BoGraf : Perincian Setiap Bahagian

Bahagian	Perincian
Bahagian A : 5W1H	Teknik Penyoalan 5W1H yang sangat penting dalam membina olahan idea karangan peserta kajian. Teknik 5W1H ini menjadi kata kunci untuk menggunakan BoGraf dengan berkesan.
Bahagian B : Format Pemerenggan	Panduan umum untuk tujuan pemerenggan. Contoh penggunaan penanda wacana juga diberikan bagi memastikan adanya pertautan antara binaan perenggan murid.
Bahagian C : Cara Bina Ayat	Panduan ringkas bagaimana menjana idea menggunakan BoGraf. Contoh olahan idea menggunakan kata tanya dan jawapan lengkap pemerenggan karangan ditunjukkan pada bahagian ini.
Bahagian D : Templat Latihan BoGraf	Latihan BoGraf. Murid akan membina dan menyusun olahan idea dengan mengisi ruang-ruang kosong yang disediakan.

28



Teknik BOGRAF : Langkah Pelaksanaan

01

PDP DALAM KELAS


Menyediakan RPH dan BBB yang bersesuaian dengan teknik yang mahu diguna.



02

KENAL PASTI KATA KUNCI KARANGAN

Memastikan murid dapat mengenal pasti 2-3 isi penting berdasarkan kata kunci karangan.



03

MENJANA IDEA BINAAN AYAT

Menggunakan pelbagai teknik yang disediakan dalam KIT PENGUASAAN PENULISAN KARANGAN ini mengikut kesesuaian murid.



04

MEMBINA PEMERENGGANAN

Menulis karangan lengkap berpandukan teknik yang telah digunakan.



05

PENGUKUHAN & PENGAYAAN

Memastikan murid dapat mengingat teknik yang dipelajari dengan memberi contoh-contoh binaan karangan yang betul.



Teknik BoGraf : Panduan Guru

01 CARI KATA KUNCI SOALAN PENULISAN

Baca soalan dan gariskan kata kunci bagi memahami kehendak soalan penulisan tersebut.
Contoh seperti soalan di bawah:

Kamu sekeluarga akan menyambut hari perayaan tidak lama lagi.
Tulis sebuah karangan yang menceritakan persiapan yang kamu sekeluarga lakukan sebelum hari perayaan tersebut.

Tuliskan ringkasan soalan karangan dan isi karangan :

1

Tajuk

Persiapan menyambut hari perayaan


Isi ____

02 KENAL PASTI ISI PENTING

Kenal pasti isi-isi penting atau idea utama yang berkaitan dengan kata kunci soalan. Lakarkan dalam bentuk nota ringkas atau bentuk peta minda seperti **contoh** di bawah:

Isi penting persiapan menyambut hari perayaan:

- Membeli baju baharu
- Mengemas rumah
- Membuat kek dan biskut
- Menghias rumah
- Masak juadah perayaan



03 GUNAKAN BOGRAF

Isikan ruang-ruang kosong dalam BOGRAF (**Muka surat 2 - Bahagian 1**) dengan tajuk dan isi penting mengikut turutan. Satu BOGRAF adalah untuk menjana idea bagi satu perenggan isi penting. **Contoh** seperti paparan di bawah:

Tuliskan ringkasan soalan karangan dan isi karangan :

1

Tajuk

Persiapan menyambut hari perayaan

Isi 1

Membeli baju baharu

Kata kunci ada dalam soalan

04 GABUNGAN AYAT PERTAMA (AYAT TOPIK)

Setelah tajuk dan isi 1 dikenal pasti (seperti Langkah 03), cantumkan kedua-dua rangkai kata tersebut supaya membentuk ayat lengkap. Gunakan penanda wacana seperti yang diberikan pada panduan (Bahagian B: Format Pemerenggan) seperti **contoh** di bawah:

Tuliskan ringkasan soalan karangan dan isi karangan :		1	
Tajuk	persiapan menyambut hari perayaan		
Isi 1	membeli baju baharu		
Gunakan 5W 1H untuk membina ayat karangan:			2
Ayat 1	Ayat Penegasan Isi (<i>gabungkan tajuk dan isi di atas</i>) <u>Persiapan menyambut hari perayaan yang pertama</u> <u>adalah membeli baju baharu.</u>		

Gunakan penanda wacana

05 GUNAKAN 5W 1H

Untuk menjana idea bagi ayat kedua, ketiga dan seterusnya, murid perlu menyoal diri sendiri menggunakan kata soal 5W 1H seperti apa, siapa, di mana, bila, kenapa dan bagaimana (*what, who, where, when, why dan how*). **Contoh** seperti di sebelah:



06 JANA AYAT KEDUA & KETIGA

Gunakan langkah 5 di atas untuk membina ayat seterusnya. Soal diri menggunakan 5W1H dan jawapan mestilah ditulis menggunakan ayat yang lengkap. **Contoh** seperti di bawah:

Gunakan 5W 1H untuk membina ayat karangan:		2
Ayat 1	Ayat Penegasan Isi (<i>gabungkan tajuk dan isi di atas</i>) <u>Persiapan menyambut hari perayaan yang pertama</u> <u>adalah membeli baju baharu.</u>	
Ayat 2	Soalan: <u>di mana beli baju?</u> Jawapan lengkap: <u>Kita boleh beli baju baharu di pasar raya.</u>	
Ayat 3	Soalan: <u>apa contoh baju yang dibeli?</u> Jawapan lengkap: <u>Contoh baju baharu yang dibeli seperti kemeja dan seluar.</u>	

Soalan perlu tanya isi, bukan tajuk.

Teknik BoGraf : Panduan Guru

07 GABUNGAN SEMUA AYAT

Akhir sekali, gabungkan Ayat 1 hingga Ayat 3 dalam ruangan terakhir. Tahniah, anda telah berjaya membina satu perenggan lengkap untuk perenggan pertama karangan anda.

TULISKAN PERENGGAN LENGKAP (salin semua jawapan anda di atas) :

3

Persiapan menyambut hari perayaan yang pertama adalah membeli baju baharu. Kita boleh beli baju baharu di pasar raya Contoh baju baharu yang dibeli seperti kemeja dan seluar.

A1

A2

A3

(27 patah perkataan)

08 ULANG DARI LANGKAH 2

Untuk membina perenggan kedua dan ketiga, murid perlu mengulang semula dari Langkah 2, dengan isi kedua. Contoh penggunaan BOGRAF bagi perenggan kedua dan ketiga adalah seperti di bawah:

BOGRAF | TEKNIK MENJANA IDEA PENULISAN
tulsiway@gmail.com

Tuliskan ringkasan soalan karangan dan isi karangan :

Tajuk: persiapan menyambut hari perayaan

Isi 2: mengemas rumah

Gunakan SW 1H untuk membina ayat karangan:

Ayat 1: Ayat Penegasan Isi (gabungkan tajuk dan isi di atas)
Selain itu, persiapan menyambut hari perayaan yang kedua adalah mengemas rumah.

Ayat 2: Soalan: kenapa perlu mengemas rumah?
Jawapan lengkap: Kita perlu mengemas rumah supaya rumah bersih.

Ayat 3: Soalan: siapa yang mengemas?
Jawapan lengkap: Ibu dan ayah mengemas rumah dibantu oleh saya dan abang.

TULISKAN PERENGGAN LENGKAP (salin semua jawapan anda di atas) :

Selain itu, persiapan menyambut hari perayaan yang kedua adalah mengemas rumah. Kita perlu mengemas rumah supaya rumah bersih. Ibu dan ayah mengemas rumah dibantu oleh saya dan abang.

BOGRAF | TEKNIK MENJANA IDEA PENULISAN
tulsiway@gmail.com

Tuliskan ringkasan soalan karangan dan isi karangan :

Tajuk: persiapan menyambut hari perayaan

Isi 3: membuat kek dan biskut

Gunakan SW 1H untuk membina ayat karangan:

Ayat 1: Ayat Penegasan Isi (gabungkan tajuk dan isi di atas)
Akhir sekali, persiapan menyambut hari perayaan adalah dengan membuat kek dan biskut.

Ayat 2: Soalan: apa contoh kek dan biskut yang dibuat?
Jawapan lengkap: Kita boleh membuat kek buah dan biskut nestum.

Ayat 3: Soalan: bila boleh membuat kek dan biskut?
Jawapan lengkap: Kek dan biskut itu boleh dibuat pada hari minggu seperti Sabtu dan Ahad.

TULISKAN PERENGGAN LENGKAP (salin semua jawapan anda di atas) :

Akhir sekali, persiapan menyambut hari perayaan adalah dengan membuat kek dan biskut. Kita boleh membuat kek buah dan biskut nestum. Kek dan biskut itu boleh dibuat pada hari minggu seperti Sabtu dan Ahad.

09 GABUNG SEMUA PERENGGAN

Hasil binaan ayat bagi perenggan 1 hingga perenggan 3 di atas, perlu digabungkan dengan memasukkan perenggan PENDAHULUAN dan perenggan PENUTUP seperti berikut:

Banyak persiapan boleh kita buat untuk menyambut perayaan. Antaranya seperti mengemas rumah, membuat kek dan biskut dan membeli baju baharu.

Persiapan menyambut hari perayaan yang pertama adalah membeli baju baharu. Kita boleh beli baju baharu di pasar raya Contoh baju baharu yang dibeli seperti kemeja dan seluar.

Selain itu, persiapan menyambut hari perayaan yang kedua adalah mengemas rumah. Kita perlu mengemas rumah supaya rumah bersih. Ibu dan ayah mengemas rumah dibantu oleh saya dan abang.

Akhir sekali, persiapan menyambut hari perayaan adalah dengan membuat kek dan biskut. Kita boleh membuat kek buah dan biskut nestum. Kek dan biskut itu boleh dibuat pada hari minggu seperti Sabtu dan Ahad.

Itulah persiapan keluarga saya menyambut perayaan. Kita perlulah berkerjasama bersama keluarga agar segala persiapan menjadi ringan.

Tahniah, anda telah berjaya membina satu karangan lengkap berpanduan tajuk yang diberikan!

Teknik BoGraf : Contoh Karangan Lengkap

Cara-cara
Menghormati
Guru

Perenggan 1

BOGRAF | TEKNIK MENJANA IDEA PENULISAN

Tuliskan ringkasan soalan karangan dan isi karangan :

Tajuk: cara menghormati guru

Isi 1: mengucapkan salam

Gunakan SW TH untuk membina ayat karangan:

Ayat 1 Ayat Penegasan Isi (gabungkan tajuk dan isi di atas)
Cara menghormati guru yang pertama adalah mengucapkan salam.

Ayat 2 Soalan: Mengapa perlu mengucapkan salam?
Jawapan lengkap:
Apabila kita mengucapkan salam, guru akan berasa gembira.

Ayat 3 Soalan: Bila perlu mengucapkan salam?
Jawapan lengkap:
Kita boleh mengucapkan salam apabila bertemu dengan guru.

TULISKAN PERENGKAN LENGKAP (salin semua jawapan anda di atas) :

Cara menghormati guru yang pertama adalah mengucapkan salam. Apabila kita mengucapkan salam, guru akan berasa gembira. Kita boleh mengucapkan salam apabila bertemu dengan guru.

Perenggan 3

BOGRAF | TEKNIK MENJANA IDEA PENULISAN

Tuliskan ringkasan soalan karangan dan isi karangan :

Tajuk: cara menghormati guru

Isi 3: bersopan

Gunakan SW TH untuk membina ayat karangan:

Ayat 1 Ayat Penegasan Isi (gabungkan tajuk dan isi di atas)
Cara menghormati guru yang terakhir adalah bersopan.

Ayat 2 Soalan: apa contoh sikap bersopan?
Jawapan lengkap:
Contoh kita bersopan seperti bercakap lemah lembut dengan guru.

Ayat 3 Soalan: di mana perlu bersopan?
Jawapan lengkap:
Kita perlu bersopan di sekolah atau di luar kawasan sekolah.

TULISKAN PERENGKAN LENGKAP (salin semua jawapan anda di atas) :

Cara menghormati guru yang terakhir adalah bersopan. Contoh kita bersopan seperti bercakap lemah lembut dengan guru. Kita perlu bersopan di sekolah atau di luar kawasan sekolah.



Hasilnya..

Perenggan 2

BOGRAF | TEKNIK MENJANA IDEA PENULISAN

Tuliskan ringkasan soalan karangan dan isi karangan :

Tajuk: cara menghormati guru

Isi 1: rajin belajar

Gunakan SW TH untuk membina ayat karangan:

Ayat 1 Ayat Penegasan Isi (gabungkan tajuk dan isi di atas)
Selain itu, cara menghormati guru yang kedua adalah rajin belajar.

Ayat 2 Soalan: Kenapa perlu rajin belajar?
Jawapan lengkap:
Apabila kita rajin belajar, kita akan menjadi orang yang berjaya.

Ayat 3 Soalan: Di mana perlu rajin belajar?
Jawapan lengkap:
Kita perlu rajin belajar terutamanya ketika guru mengajar.

TULISKAN PERENGKAN LENGKAP (salin semua jawapan anda di atas) :

Selain itu, cara menghormati guru yang kedua adalah rajin belajar. Apabila kita rajin belajar, kita akan menjadi orang yang berjaya. Kita perlu rajin belajar terutamanya ketika guru mengajar.

Banyak cara boleh kita buat untuk menghormati guru. Antaranya seperti mengucapkan salam, rajin belajar dan bersopan.

Cara menghormati guru yang pertama adalah ucapkan salam. Apabila kita mengucapkan salam, guru akan berasa gembira. Kita boleh mengucapkan salam apabila bertemu dengan guru.

Selain itu, cara menghormati guru yang kedua adalah rajin belajar. Apabila kita rajin belajar, kita akan menjadi orang yang berjaya. Kita perlu rajin belajar terutamanya ketika guru mengajar.

Cara menghormati guru yang terakhir adalah bersopan. Contoh kita bersopan seperti bercakap lemah lembut dengan guru. Kita perlu bersopan di sekolah atau di luar kawasan sekolah.

Itulah cara kita menghormati guru. Kita perlulah menghormati guru supaya kita berjaya dalam pelajaran.

Tahniah, anda telah berjaya membina satu karangan lengkap berpanduan tajuk yang diberikan!

BOGRAF juga boleh digunakan untuk membina satu karangan lengkap.

BOGRAF | TEKNIK MENJANA IDEA PENULISAN

Tuliskan kata kunci soalan karangan

1

Tajuk

Hobi Saya

Gunakan **5W 1H** untuk membina ayat karangan:

2

Ayat 1

Soalan: **apa hobi saya?**

Jawapan lengkap:

Hobi saya adalah membaca buku dan bermain bola sepak.

Ayat 2

Soalan: **kenapa hobi suka membaca?**

Jawapan lengkap:

Saya suka hobi membaca kerana membaca dapat menjadikan saya pandai.

Ayat 3

Soalan: **bila hobi dibuat?**

Jawapan lengkap:

Saya membaca pada waktu lapang dan bermain bola sepak pada waktu petang.

Ayat 4

Soalan: **di mana saya melakukan hobi?**

Jawapan lengkap:

Saya selalu membaca di perpustakaan sekolah dan bermain bola sepak di padang.

Ayat 5

Soalan: **apa perasaan mempunyai hobi?**

Jawapan lengkap:

Saya berasa gembira kerana mempunyai hobi yang berfaedah.

TULISKAN PERENGKAN LENGKAP (salin semua jawapan anda di atas):

3

Semua orang mempunyai hobi. Contoh hobi seperti mengumpul setem dan melayari internet.

Hobi saya adalah membaca buku dan bermain bola sepak. Saya suka hobi membaca kerana membaca dapat menjadikan saya pandai. Saya membaca pada waktu lapang dan bermain bola sepak pada waktu petang.

Saya selalu membaca di perpustakaan sekolah dan bermain bola sepak di padang. Saya berasa gembira kerana mempunyai hobi yang berfaedah.

Itulah hobi saya. Semua orang perlu memilih hobi yang dapat mengisi masa lapang dengan berguna.

Semua orang mempunyai hobi. Contoh hobi seperti mengumpul setem dan melayari internet.

Hobi saya adalah membaca buku dan bermain bola sepak. Saya suka hobi membaca kerana membaca dapat menjadikan saya pandai. Saya membaca pada waktu lapang dan bermain bola sepak pada waktu petang.

Saya selalu membaca di perpustakaan sekolah dan bermain bola sepak di padang. Saya berasa gembira kerana mempunyai hobi yang berfaedah.

Itulah hobi saya. Semua orang perlu memilih hobi yang dapat mengisi masa lapang dengan berguna.

Tahniah, anda telah berjaya membina satu karangan lengkap berpandukan tajuk yang diberikan!



Hasilnya..

TEKNIK BOGRAF : CONTOH RPH

1	Tema Tajuk	: Kesihatan dan Kebersihan : Hidup sihat dan gembira
2	Standard Kandungan Standard Pembelajaran	:3.3 Menghasilkan penulisan :3.3.1 Menulis draf dan menghasilkan penulisan imaginatif dan deskriptif
3	Objektif Pembelajaran	Pada akhir pembelajaran, murid dapat: Menulis draf dan menghasilkan penulisan imaginatif dan diskriptif.
4	Kriteria Kejayaan	Saya dikira berjaya sekiranya dapat: 1. Membina satu kerangka dan menulis satu karangan 2. Menulis untuk menyampaikan maklumat yang betul dengan menggunakan idea utama dan idea sampingan secara kohesi dan koheren. 3. Menghasilkan perenggan yang kohesi dan koheren dengan betulnya.
5	Cadangan Aktiviti P&P	1. Set Induksi. Tayangan video aktiviti menjaga kebersihan diri 2. Murid mendapatkan maklumat dengan menggunakan Teknik Bograf. 3. Murid mencatat maklumat dalam Bograf. 4. Murid membina ayat menggunakan kaedah 5W 1H. 5. Murid mengkohesikan dan mengkoherenkan ayat.
6	Cadangan Aktiviti PAK-21	Jelajah Pembelajaran (Gallery Walk) 1. Murid dipecahkan kepada empat kumpulan 2. Setiap kumpulan diberikan tajuk “Menjaga Kesihatan Diri”. 3. Murid berbincang dan melengkapkan bahan grafik 5W 1H dalam kumpulan. 4. Murid menampal bahan grafik 5W 1H yang dibina dalam kumpulan pada sudut atau hentian yang telah ditetapkan. 5. Setiap kumpulan bergerak ke setiap hentian (5-7 minit) dan murid berbincang serta mencatat maklumat di setiap hentian.
7	Latihan Pengukuhan & Pengayaan	Murid membina ayat untuk dijadikan karangan yang bertajuk “Menjaga kesihatan diri”.
8	Penyerapan Ilmu	Pengisian Kurikulum: KB- Menjanakan idea BBM: Bograf, Komputer Nilai: Kasih sayang Peta iThink Peta Bulatan EMK: Pend. Moral Penilaian P&P: Hasil karangan murid
9	Refleksi / Impak	

Tuliskan kata kunci soalan karangan

1

Tajuk

Hobi Saya

Gunakan 5W 1H untuk membina ayat karangan:

2

Ayat 1

Soalan: **Apakah hobi saya?**

Jawapan lengkap:

Hobi saya adalah membaca buku dan bermain bola sepak.

Ayat 2

Soalan: **kenapa hobi suka membaca?**

Jawapan lengkap:

Saya suka hobi membaca kerana membaca dapat menjadikan saya pandai.

Ayat 3

Soalan: **bila hobi dibuat?**

Jawapan lengkap:

Saya membaca pada waktu lapang dan bermain bola sepak pada waktu petang.

Ayat 4

Soalan: **di mana saya melakukan hobi?**

Jawapan lengkap:

Saya selalu membaca di perpustakaan sekolah dan bermain bola sepak di padang.

Ayat 5

Soalan: **apa perasaan mempunyai hobi?**

Jawapan lengkap:

Saya berasa gembira kerana mempunyai hobi yang berfaedah.

TULISKAN PERENGKAN LENGKAP (salin semua jawapan anda di atas) :

3

Semua orang mempunyai hobi. Contoh hobi seperti mengumpul setem dan melayari internet.

Hobi saya adalah membaca buku dan bermain bola sepak. Saya suka hobi membaca kerana membaca dapat menjadikan saya pandai. Saya membaca pada waktu lapang dan bermain bola sepak pada waktu petang.

Saya selalu membaca di perpustakaan sekolah dan bermain bola sepak di padang. Saya berasa gembira kerana mempunyai hobi yang berfaedah.


Itulah hobi saya. Semua orang perlu memilih hobi yang dapat mengisi masa lapang dengan berguna.

BOGRAF | TEKNIK MENJANA IDEA PENULISAN

rubieey@gmail.com

1

Murid **mesti menyoal diri sendiri** dan menulis jawapan dalam bentuk ayat lengkap.



FORMAT PEMERENGKANAN

Pendahuluan:

Banyak
Antaranya ialah.....

Isi 1:

***Kebaikan** (*ikut soalan)
..... yang pertama
ialah..... (tulis isi pertama)

Isi 2:

Selain itu..... dapat juga
..... (tulis isi ke 2)

Isi 3:

Kita juga dapat (tulis
isi ke 3)

Isi terakhir:

Akhir sekali..... (untuk isi
terakhir)

Penutup:

Itulah Oleh itu kita
mesti

2

Contoh penggunaan **5W 1H** untuk menjana idea dalam menghasilkan sebuah perenggan lengkap.

Tajuk karangan : **Cara Menjaga Kesihatan Diri**

Isi karangan 1 : **Bersenam**

Ayat 1 : **Ayat topik (gabungkan tajuk dan isi di atas)**
Cara menjaga kesihatan diri yang pertama adalah bersenam.

Ayat 2 : **Kenapa kita perlu bersenam? (tanya isi, bukan tajuk)**
Ini adalah kerana, apabila bersenam badan kita akan menjadi sihat.

Ayat 3 : **Di mana boleh bersenam? (tanya isi, bukan tajuk)**
Kita boleh bersenam di padang bola atau di taman-taman permainan.

3

Cantumkan semua **Ayat 1 hingga Ayat 3** dalam **SATU** perenggan :

Cara menjaga kesihatan diri yang pertama adalah bersenam. Ini adalah kerana, apabila bersenam badan kita akan menjadi sihat. Kita boleh bersenam di padang bola atau di taman-taman permainan. ✓

Tuliskan ringkasan soalan karangan dan isi karangan :

1

Tajuk

Isi ____

Gunakan **5W 1H** untuk membina ayat karangan:

2

Ayat 1

Ayat Topik (*gabungkan tajuk dan isi di atas*)

Ayat 2

Soalan: _____

Jawapan lengkap:

Ayat 3

Soalan: _____

Jawapan lengkap:

TULISKAN PERENGKAN LENGKAP (salin semua jawapan anda di atas) :

3

Tuliskan ringkasan soalan karangan dan isi karangan :

1

Tajuk

Isi ____

Gunakan **5W 1H** untuk membina ayat karangan:

2

Ayat 1

Ayat Topik (*gabungkan tajuk dan isi di atas*)

Ayat 2

Soalan: _____

Jawapan lengkap:

Ayat 3

Soalan: _____

Jawapan lengkap:

Ayat 4

Soalan: _____

Jawapan lengkap:

TULISKAN PERENGKAN LENGKAP (salin semua jawapan anda di atas) :

3

Tuliskan kata kunci soalan karangan

1

Tajuk

Gunakan **5W 1H** untuk membina ayat karangan:

2

Ayat 1

Soalan: _____
Jawapan lengkap: _____

Ayat 2

Soalan: _____
Jawapan lengkap: _____

Ayat 3

Soalan: _____
Jawapan lengkap: _____

Ayat 4

Soalan: _____
Jawapan lengkap: _____

Ayat 5

Soalan: _____
Jawapan lengkap: _____

TULISKAN KARANGAN LENGKAP (salin semua jawapan anda di atas) :

3



Soalan Latihan

Gunakan teknik ASBaT, PP DAKU, MAS3BM atau BoGraf sebagai latihan penulisan karangan kepada murid.

01

Soalan 1

Tulis karangan tentang aktiviti kokurikulum.
Panjang karangan kamu hendaklah antara 80 hingga 120 patah perkataan.

02

Soalan 2

Pergi ke belukar memasang pikat,
Pulangnya lewat di hujung petang,
Jikalau sentiasa berjimat cermat,
Rezeki secupak terasa segantang.

Masak meranum buah ara,
Jatuh sebiji di atas papan,
Jika berjimat setiap perkara,
Pasti terjamin masa hadapan.

Indah nian pemandangan dunia,
Dari timur hingga selatan,
Sikap berjimat amalan mulia,
Orang boros sahabat syaitan.

Sungguh pahit buah peria,
Dimakan juga dibuat sayuran,
Membesar belanja sikap sesia,
Hanya menambah beban kewangan.


Berdasarkan maksud pantun di atas, tuliskan cerita tentang amalan berjimat cermat.

Panjang karangan kamu hendaklah antara 80 hingga 120 patah perkataan.

03

Soalan 3

Berdasarkan gambar di bawah, tuliskan karangan tentang menjaga kebersihan dalam bilik darjah. Panjang karangan kamu hendaklah antara 80 hingga 120 patah perkataan.



Soalan Latihan

Gunakan teknik ASBaT, PP DAKU, MAS3BM atau BoGraf sebagai latihan penulisan karangan kepada murid.

04

Soalan 4


Membaca buku adalah amalan yang baik.

Tulis karangan tentang faedah membaca surat khabar.

Panjang karangan kamu hendaklah antara 80 hingga 120 patah perkataan.

05

Soalan 5



Berdasarkan gambar di atas tulis cerita tentang keluarga saya.

Tulis karangan kamu selengkapnya.

Panjang karangan kamu hendaklah antara 80 hingga 120 patah perkataan.

06

Soalan 6

Setiap pengguna jalan raya perlu berhati-hati dan menjaga keselamatan diri sendiri dan orang lain.

Ceritakan cara kamu menjaga keselamatan diri di jalan raya.

Panjang karangan kamu hendaklah antara 80 hingga 120 patah perkataan.



KIT CELIK MENGARANG
PENGUASAAN KEMAHIRAN MENULIS
TEKNIK TIK





Langkah Pelaksanaan TEKNIK TIK

01

PdP DALAM KELAS


Menyediakan RPH dan BBB yang bersesuaian dengan teknik yang digunakan.



02

KENAL PASTI TIK

Memastikan murid dapat mengenal pasti **Tema (T)**, **Isu (I)** dan **Kehendak (K)** berdasarkan soalan karangan yang diberikan.



03

MEMBINA RANGKA KARANGAN

Melengkapkan jadual rangka karangan yang terdiri daripada Pendahuluan **TIK**, 3 – 4 isi dan Penutup (**Kecaha – rujuk Langkah 08 di bawah**)



04

MEMBINA PERENGKAN PENDAHULUAN

Menulis perenggan pendahuluan dengan menggunakan Teknik **THINK**.



05

MENGEMBANGKAN PERENGKAN

Menulis **Ayat Topik**, **Ayat Huraian**, **Aya Contoh**, **Ayat Kesan** dan **Ayat Penegas** iaitu dengan Teknik **Tohucokep**.



06

MEMBINA PERENGKAN PENUTUP

Membina **Ayat Kesimpulan (Ke)**, **Ayat Cadangan (Ca)** dan **Ayat Harapan (Ha)** , iaitu Teknik **KeCaHa** sebagai penutup karangan.



Teknik TIK : Panduan Guru

Teknik TIK merupakan satu kaedah holistik dalam pembinaan karangan lengkap yang memerlukan murid mengenal pasti tema (T), isu (I) dan kehendak (K) soalan. Kefahaman murid tentang TIK memudahkan perenggan pendahuluan dibina dan membolehkan penjanaaan idea dilaksanakan dengan tepatnya dan bernas. Seterusnya, perenggan penutup juga dapat dibina melalui **Teknik KeCaHa** dengan berdasarkan penghayatan tentang **TIK**.

01 BACA DAN FAHAMI SOALAN KARANGAN YANG DIBERIKAN

Contoh soalan:

Kemalangan jalan raya masih menjadi satu daripada punca utama yang meragut nyawa manusia saban hari.

*Sebagai murid, **huraikan peranan anda untuk menjamin keselamatan diri di jalan raya.***

02 ANALISIS TIK*

Murid sebaik-baiknya perlu mengenal pasti tema yang mendasari soalan yang diberikan. Tema perlu dibezakan dengan isu. Tema merujuk bidang manakala isu biasanya merujuk masalah.



Tema



Isu



Kehendak



03 ISI BORANG TIK*

TEMA	Keselamatan	T
ISU	Kemalangan jalan raya	I
KEHENDAK	Peranan saya sebagai murid untuk menjamin keselamatan diri di jalan raya	K

04 MEMBINA RANGKA KARANGAN

Pastikan isi yang dijanakan itu memenuhi kehendak soalan.

Pendahuluan (TIK)	Tema	Keselamatan
	Isu	Kemalangan Jalan Raya
	Kehendak Soalan	Peranan saya sebagai murid untuk menjaga keselamatan diri di jalan raya
Isi 1	Mematuhi peraturan lalu lintas sebagai pejalan kaki	
Isi 2	Menggunakan peralatan perlindungan semasa menaiki kenderaan	
Isi 3	Menggunakan jejantas dan lintasan belang semasa melintas jalan	
Isi 4	Berjalan melawan arus kenderaan	
Penutup (KeCaHa)	Kesimpulan	terdapat pelbagai peranan
	Cadangan	mesti sentiasa berwaspada
	Harapan	Kadar kemalangan jalan raya dapat dikurangkan

05 MENULIS PENDAHULUAN DENGAN TEKNIK THINK

Teknik THINK dikembangkan daripada analisis TIK dalam kerangka soalan. Gunakan Borang Kerangka THINK seperti di bawah:

PENJELASAN		CONTOH AYAT
T	Tema	Keselamatan diri amat penting untuk setiap individu.
H	Huraian Tema	Keselamatan diri menjamin kesejahteraan dan kebahagiaan kita.
I	Isu	Kemalangan jalan raya masih meragut nyawa rakyat Malaysia termasuk murid-murid sekolah saban hari.
N	Huraian (Perspektif/ Kesan Negatif)	Nyawa modal insan yang menjadi harapan negara pasti terancam.
K	Kehendak soalan	Sebagai murid, saya memainkan pelbagai peranan untuk menjaga keselamatan diri semasa berada di jalan raya.

06 GABUNG AYAT PENDAHULUAN

Murid membina perenggan pendahuluan dengan menggabungkan ayat dalam Borang Kerangka THINK. Penanda wacana yang sesuai perlu digunakan untuk merangkaikan ayat-ayat bagi memastikan wujudnya ciri kohesi dan koheran dalam ayat (kesinambungan ayat).

Contoh ayat pendahuluan menggunakan teknik THINK adalah seperti yang berikut:

Pendahuluan



(T) Keselamatan diri amat penting untuk setiap individu. (H) **Hal ini dikatakan demikian kerana** keselamatan diri akan menjamin kesejahteraan dan kebahagiaan diri kita. (I) **Namun demikian,** kemalangan jalan raya masih meragut nyawa rakyat Malaysia termasuk murid-murid sekolah saban hari. (N) **Sebagai natijahnya,** nyawa modal insan yang menjadi harapan negara pasti terancam. (K) **Oleh sebab itu,** sebagai murid, saya memainkan pelbagai peranan untuk menjaga keselamatan diri semasa berada di jalan raya.

07 MENJANAKAN PERENGGAN ISI (Tohucokep*)

Untuk membina perenggan isi, teknik “Tohucokep” boleh digunakan. Murid perlu membina **lima** ayat yang terdiri daripada Ayat **Topik**, Ayat **Huraian**, Ayat **Contoh**, Ayat **Kesan** dan Ayat **Penegas** seperti jadual di bawah. Gunakan penanda wacana yang bersesuaian bagi setiap binaan ayat.

Ayat 1	Ayat Topik (gabungkan soalan dan isi pertama)
Ayat 2	Ayat Huraian (mengapa/sebab)
Ayat 3	Ayat Contoh
Ayat 4	Ayat Kesan
Ayat 5	Ayat Penegas



Murid disarankan untuk membina sekurang-kurang 3 perenggan isi dengan menggunakan Teknik Tohucokep.

Contoh Pengembangan Idea Tohucokep

Rangka Isi 1:

Ayat 1	Ayat Topik (gabungkan soalan dan isi pertama) Pada pendapat saya, peranan utama saya ialah saya akan mematuhi peraturan lalu lintas sebagai pejalan kaki
Ayat 2	Ayat Huraian (mengapa/sebab) Hal ini dikatakan demikian kerana peraturan lalu lintas digubal untuk menjamin keselamatan semua pengguna jalan.
Ayat 3	Ayat contoh Sebagai contoh, saya hanya akan melintas jalan semasa lampu isyarat pejalan kaki menunjukkan warna hijau.
Ayat 4	Ayat Kesan Impaknya, nahas jalan raya dapat saya jauhi.
Ayat 5	Ayat Penegasan Jelaslah bahawa mamatuhi peraturan lalu lintas merupakan peranan saya untuk menjaga keselamatan di jalan raya.



Rangka Isi 2:

Ayat 1	Ayat Topik (gabungkan soalan dan isi kedua) Selain itu, peranan saya yang seterusnya ialah saya akan menggunakan peralatan perlindungan semasa menunggang basikal atau motosikal
Ayat 2	Ayat Huraian (mengapa/sebab) Hal ini dikatakan demikian kerana tindakan ini penting untuk mengelakkan diri daripada mengalami kecederaan parah jika berlakunya kemalangan.
Ayat 3	Ayat Contoh Misalnya, saya akan memakai topi keledar dan pelindung lutut semasa menunggang basikal.
Ayat 4	Ayat Kesan Impaknya, kecederaan serius dapat dihindari.
Ayat 5	Ayat Penegasan Jelaslah bahawa menggunakan peralatan perlindungan semasa menunggang basikal atau motosikal merupakan peranan saya menjaga keselamatan diri di jalan raya.



Contoh Pengembangan Idea Tohucokep

Rangka Isi 3:

Ayat 1	Ayat Topik (gabungkan soalan dan isi ketiga) Seterusnya, peranan saya sebagai murid untuk menjaga keselamatan diri di jalan raya ialah saya akan menggunakan jejantas dan lintasan belang semasa melintas jalan.
Ayat 2	Ayat Huraian (mengapa/sebab) Hal ini dikatakan demikian kerana kemalangan jalan raya kerap berlaku di jalan raya yang sibuk.
Ayat 3	Ayat contoh Sebagai contoh, saya pasti akan menggunakan jejantas semasa menyeberangi jalan walaupun mengambil masa yang lebih lama.
Ayat 4	Ayat Kesan Impaknya, keselamatan saya terjamin, bak kata peribahasa, biar lambat asalkan selamat.
Ayat 5	Ayat penegasan Jelaslah bahawa menggunakan jejantas dan lintasan belang semasa melintas jalan merupakan peranan saya menjaga keselamatan diri di jalan raya.



Rangka Isi 4:

Ayat 1	Ayat Topik (gabungkan soalan dan isi keempat) Akhir sekali, peranan saya menjaga keselamatan diri di jalan raya ialah saya berjalan melawan arus kenderaan.
Ayat 2	Ayat Huraian (mengapa/sebab) Hal ini dikatakan demikian kerana saya akan menjadi lebih berwaspada sekiranya dapat melihat kenderaan yang dipandu dari arah yang bertentangan.
Ayat 3	Ayat contoh Sebagai contoh, saya tidak perlu menoleh untuk melihat kenderaan di belakang saya sekiranya berjalan melawan arus kenderaan.
Ayat 4	Ayat Kesan Impaknya, kecelakaan jalan raya yang menimpa pejalan kaki dapat dikurangkan.
Ayat 5	Ayat penegasan Jelaslah bahawa berjalan melawan arus kenderaan merupakan peranan saya untuk menjaga keselamatan diri di jalan raya.



08 PENUTUP KARANGAN (Kecaha)

Bina perenggan penutup dengan menggunakan Teknik Kecaha. Teknik Kecaha ini memerlukan murid menulis tiga ayat.

Ke (Kesimpulan berdasarkan Kehendak soalan):

Ayat yang pertama ialah Ayat **Kesimpulan**. Ayat Kesimpulan dibina dengan berdasarkan **Kehendak** soalan yang telah dikenal pasti dalam analisis TIK. Jika Kehendak soalnya “kesan-kesan pencemaran alam”, maka Ayat Kesimpulannya yang sesuai ialah “Kesimpulannya, terdapat banyak kesan daripada pencemaran alam sekitar”.

Ca (Cadangan):

Ayat yang kedua ialah Ayat **Cadangan**. Penanda Ayat Cadangan ialah ayat ini mesti mengandungi kata bantu seperti *mestilah, haruslah, hendaklah, wajarlah, perlulah* dan sebagainya. Lantaran itu, murid hendaklah menulis ayat “**siapa** mestilah **membuat apa**” dalam ayat ini.

Ha (Harapan):

Ayat yang ketiga ialah Ayat **Harapan**. Penanda Ayat Harapan ialah kata-kata seperti *berharap agar; berdoa semoga, mudah-mudahan* dan seumpamanya untuk menyatakan harapan murid.



Borang Kecaha perlu diisi oleh murid sebelum dikembangkan sebagai ayat dan perenggan yang lengkap.

CONTOH:

Penutup (KeCaHa)	Kesimpulan	Terdapat banyak peranan saya untuk menjaga keselamatan diri di jalan raya
	Cadangan	Mesti sentiasa berwaspada kerana malang tidak berbau
	Harapan	Kadar kemalangan jalan raya dapat dikurangkan

Perenggan
Penutup



Tuntasnya, terdapat banyak peranan saya untuk menjaga keselamatan diri di jalan raya. **Oleh itu**, sebagai murid, kita mestilah sentiasa berwaspada di jalan raya kerana malang tidak berbau. **Saya berharap semoga** kadar kemalangan jalan raya yang membabitkan murid sekolah dapat dikurangkan.

TEKNIK TIK : CONTOH RPH

1

Tema
Tajuk

: Keselamatan
: Keselamatan di Jalan Raya

2

Standard Kandungan
Standard Pembelajaran

3.4 Menulis untuk menghasilkan sesuatu penulisan secara terancang.
3.4.2 Menulis pelbagai jenis perenggan pendahuluan yang menepati tema menggunakan laras bahasa yang sesuai dan gramatis.

3

Objektif
Pembelajaran

Pada akhir pembelajaran, murid dapat:
Menghasilkan satu perenggan pendahuluan yang bernas dan gramatis tentang keselamatan jalan raya.

4

Kriteria Kejayaan

Saya dikira berjaya sekiranya dapat:

1. Mengenal pasti Tema (T), Isu (I) dan Kehendak Soalan (K) dengan tepatnya.
2. Menulis satu ayat tema (T) dan satu ayat huraian (H) tentang keselamatan jalan raya.
3. Menulis satu ayat untuk menerangkan isu (I) kemalangan jalan raya dan menghuraikan kesan negatifnya (N) dalam satu ayat yang lain.
4. Menulis ayat kehendak (K).
5. Merangkaikan ayat THINK dengan penanda wacana untuk membentuk satu perenggan pendahuluan yang lengkap.

5

Cadangan Aktiviti
PdPc

1. Set Induksi. Tayangan video aktiviti Keselamatan di Jalan Raya. Murid bersoal jawab dengan guru tentang isu kemalangan jalan raya.
2. Murid diberi soalan karangan dan seterusnya mencatat maklumat dalam Borang TIK secara berkumpulan.
3. Murid berkongsi hasil perbincangan tentang maklumat dalam Borang TIK melalui aktiviti "Stand And Share".
4. Dengan menggunakan Teknik Meja Bulat, murid membina ayat secara bergilir-gilir untuk melengkapkan Borang Kerangka THINK.
5. Murid memindahkan maklumat dalam Borang Kerangka THINK dengan menggunakan penanda wacana untuk membentuk satu perenggan pendahuluan yang lengkap.
6. Murid menjalankan aktiviti Jelajah Pembelajaran (Gallery Walk) untuk berkongsi hasil kerja dan memberikan penilaian kepada setiap kumpulan.
7. Murid membuat rumusan pembelajaran menggunakan Teknik "Exit Card".

6

Latihan Pengukuhan
& Pengayaan

Murid membina ayat untuk dijadikan karangan yang bertajuk "Keselamatan di Jalan Raya".

7

Penyerapan Ilmu

Pengisian Kurikulum:

KB- Menjanakan idea

Nilai:

Kasih Sayang

EMK:

PKJR

BBB:

Borang TIK, Borang
Kerangka THINK,
Komputer, Skrin, Projektor

Penilaian PdPc :

Hasil karangan
murid

8

Refleksi / Impak

.....
.....

Teknik TIK : Latihan 1

Gunakan Teknik TIK yang terdapat dalam Kit Celik Mengarang ini sebagai latihan kepada murid.

01

Soalan 1

Cadangkan langkah-langkah untuk memupuk semangat kejiranan.

02

Soalan 2

Penggunaan komputer semakin meluas dalam kehidupan seharian. Tuliskan pendapat anda tentang kebaikan penggunaan komputer dalam kalangan murid sekolah.

03

Soalan 3

Pergi ke kedai membeli bunga,
Bunga dibeli cantik sekali,
Sungai-sungai perlu dijaga,
Terjamin hidup yang harmoni.

Pergi ke bukit bersama teman,
Bukit Tinggi tempat pilihan,
Menjaga sungai menjadi ikutan,
Hidup sihat tanpa pencemaran.

Berdasarkan puisi di atas, kemukakan sebab-sebab berlakunya pencemaran sungai.

04

Soalan 4



Berdasarkan rajah di atas, huraikan peraturan sekolah yang perlu dipatuhi oleh murid.

05

Soalan 5

Membaca merupakan suatu amalan mulia. Tabiat membaca perlu dipupuk kepada semua lapisan masyarakat. Tuliskan faedah-faedah membaca dalam kalangan murid.

MODUL TIK

TEKNIK MENJANAKAN IDEA PENULISAN

Analisis soalan, dan kenal pasti TIK

1

TEMA		T
ISU		I
KEHENDAK		K

Bina rangka karangan

2

Pendahuluan (TIK)	Tema	
	Isu	
	Kehendak Soalan	
Isi 1		
Isi 2		
Isi 3		
Isi 4		
Penutup (KeCaHa)	Kesimpulan	
	Cadangan	
	Harapan	

Ayat 1

Ayat **Topik** (gabungkan soalan dan isi pertama)

Ayat 2

Ayat **Huraian** (mengapa/sebab)

Ayat 3

Ayat **Contoh**

Ayat 4

Ayat **Kesan**

Ayat 5

Ayat **Penegas**

Cadangan Penanda Wacana

	Ayat 1	Ayat 2	Ayat 3	Ayat 4	Ayat 5
Perenggan 1	Pada pendapat saya,				
Perenggan 2	Selain itu,	Hal ini dikatakan demikian kerana ...	Sebagai contoh ...	Impaknya, ...	Jelaslah bahawa ...
Perenggan 3	seterusnya,				
Perenggan 4	Akhir sekali,				

- 1 PENDAHULUAN**
- Baru-baru ini
 - Belakangan ini,
 - Dewasa ini,
 - Belakangan ini,
 - Kini,
 - Pada era globalisasi ini,
 - Pada masa ini,
 - Sejak dahulu lagi,
 - Sejak akhir-akhir ini,
 - Pada tahun-tahun belakangan ini,

- 2 ISI (AYAT TOPIK)**
- Di samping itu,
 - Lebih-lebih lagi,
 - Pada masa yang sama,
 - Pada pendapat saya,
 - Sementara itu,
 - Seterusnya,

- 3 MENGAPA?**
- Hal ini dikatakan begitu kerana
 - Hal ini berlaku kerana
 - Hal ini disebabkan oleh
 - Hal ini tercetus apabila

- 4 BAGAIMANA?**
- Dalam konteks ini
 - Dengan berbuat demikian
 - Oleh sebab itu
 - Oleh yang demikian

- 5 CONTOH**
- Antara contoh
 - Sebagai contoh
 - Buktinya
 - Misalnya
 - Tamsilnya
 - Biar kita lihat
 - Hal ini dapat kita lihat
 - Contohnya

- 6 KESAN**
- Hal ini mengakibatkan
 - Implikasinya
 - Impaknya
 - Kesannya
 - Lanjutan daripada
 - Natijahnya
 - Sebagai akibatnya
 - Sehubungan dengan itu

- 7 UNGKAPAN**
- Bak kata mutiara,
 - Bak pepatah Melayu
 - Bak peribahasa
 - Seperti kata cendekiawan
 - Hal ini sama dengan peribahasa

- 8 PENEGAS**
- Benarlah bahawa
 - Hakikatnya
 - Jelaslah bahawa
 - Sewajarnya
 - Tegasnya
 - Tuntasnya
 - Kita mengakui hakikat bahawa

- 9 AYAT SETERUSNYA**
- Hal ini berpunca daripada
 - Hal ini dikatakan demikian kerana
 - Hal ini berlaku kerana
 - Hal ini terjadi kerana

- 10 PENUTUP**
- Akhir kata,
 - Kesimpulannya,
 - Konklusinya,
 - Tuntasnya,
 - Secara keseluruhan,
 - Sebagai penutup bicara,



KIT CELIK MENGARANG
PENGUASAAN KEMAHIRAN MENULIS


AKTIVITI
PENGUKUHAN




Aktiviti 1 | BoKan

Langkah Pelaksanaan Permainan BoKan (Borang Ikan)


- 01** Murid membentuk kumpulan dan diberi BoKan (saiz A4) beserta satu sampul berisi tajuk karangan (berdasarkan tema yang akan diajar).



- 02** Guru mengguntingkan ikan mengikut bahagian dan setiap murid dalam kumpulan mendapat satu keratan bahagian ikan yang berlainan.



- 03** Murid membina ayat berdasarkan tajuk pada bahagian-bahagian ikan.






Aktiviti 1 | BoKan

Langkah Pelaksanaan Permainan BoKan

- 04** Murid melengkapkan bakan dan mencantumkan keratan ikan masing-masing supaya menjadi bentuk ikan yang sempurna.



Tajuk: Haiwan Kesayangan Saya


- 05** Murid membaca ayat yang telah dikarang bersama-sama dalam kumpulan. Murid menggunakan penanda wacana yang disediakan untuk menggabungkan ayat menjadi satu karangan lengkap.

Tajuk: Haiwan Kesayangan Saya



Setiap orang ada haiwan kesayangan. Haiwan kesayangan saya ialah seekor kucing. Kucing saya dinamakan Tompok. Tompok suka makan ikan. Tompok berwarna hitam dan putih. Saya sayang akan tompok.

Lampiran BoKan





Aktiviti 2 | Mari Cipta Ubur-ubur

Langkah Pelaksanaan Permainan Mari cipta Ubur-ubur

- 01** Murid menamakan gambar yang dipaparkan oleh guru.



- 02** Murid diberi lima keratan kertas A4. Murid diminta membina lima ayat di atas keratan kertas dengan berpandukan gambar yang diberi.

- 03** Murid menampal keratan ayat pada mangkuk polisterin untuk menghasilkan seekor ubur-ubur.

<i>Ubur-ubur tiada tulang .</i>
<i>Ubur-ubur tinggal di laut.</i>
<i>Badan ubur-ubur lembut.</i>
<i>Ubur-ubur sejenis haiwan berbisa.</i>
<i>Ubur-ubur tiada kepala.</i>

- 04** Murid membaca ayat yang telah dibina.



Contoh ubur-ubur yang dibina



Aktiviti 3 | Kembara Bahasa

Langkah Pelaksanaan Kembara Bahasa

- 01** Murid dalam kumpulan diberikan bahan grafik berbentuk peta (lampiran A)



- 02** Murid perlu membina ayat berdasarkan gambar yang telah dibulatkan di atas kertas mahjong.

Badak berendam di dalam kolam air.

Kuda belang meragut rumput.

Gajah mempunyai belalai yang panjang.

Zirafah sangat tinggi.

- 03** Murid menampal ayat yang telah dibina di dalam peta.



- 04** Murid membaca ayat yang telah dibina mengikut kumpulan masing-masing.

KIT CELIK MENGARANG
PENGUASAAN KEMAHIRAN MENULIS
LAMPIRAN

SEKALUNG PENGHARGAAN

Sekalung tahniah dan terima kasih kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak secara langsung dalam menghasilkan modul ini.

PENASIHAT



DATIN HJH NOR FARIDAH BT A. BAKAR	- JPN SELANGOR
HJH HANISAH BT MOHD YUSOF	- JPN SELANGOR
AZILAWATI BT ABU BAKAR	- JPN SELANGOR

PANEL KAWAL MUTU



RUBIATON BT IBRAHIM	- JPN SELANGOR
ALEX LEONG JUN WEI	- PPD PETALING UTAMA
HJH. NOR HAYATI BT MOHD SHAHARIM	- PPD PETALING PERDANA
Dr JIANI BT JAMAN	- PPD PETALING PERDANA
ZAHARIMAH BT SUBAINI	- PPD PETALING PERDANA
HJH RAHAYU BINTI AKHESAH	- PPD KUALA SELANGOR
AZRINAH BT ALI MIRAS @ ABD SHUKOR	- PPD HULU SELANGOR
HJH UMMAL SALMAH BT MSM SULTAN DZULKARNAIN	- PPD HULU SELANGOR
SYUHAILA BT ELIAS	- PPD GOMBAK
ANUAR BIN AMIN	- PPD KLANG

PANEL BAHAN



RUSILAH BT HASAN	PPD PETALING PERDANA
MENAUNAH BINTI ABDUL RAHID	PPD PETALING UTAMA
ABD RANI BIN ABD RAHMAN	SK TAMAN SERI GOMBAK, PPD GOMBAK
ABDUL HAFIZ BIN SEMAN@KAMARULZAMAN	SK KAMPUNG TUNKU, PPD PETALING UTAMA
ALIAS BIN JA'MAT	SJKC YUK CHYUN, PPD PETALING UTAMA
IZZATUL SAKINAH ABDULLAH	SK SRI KELANA, PPD PETALING UTAMA
MAHENDRAN A/L BALAKRISHNAN	SJKT BUKIT BERUNTUNG, PPD HULU SELANGOR
MAS AHMAD EZANEE BIN MOHD YUSOFF	SK DAMANSARA DAMAI 1, PPD PETALING UTAMA
MAT ARIFFIN BIN ISMAIL	SJKC BATANG KALI, PPD HULU SELANGOR
MOHD NOR BIN AHMAD	SJKC KOTA EMERALD, PPD GOMBAK
NORLINA ABDUL FATAH	SK TAMAN SRI MUDA 2, PPD PETALING PERDANA
RAHAYU AHMAD	SK BANDAR ANGGERIK, PPD PETALING PERDANA
VIJAYAKUMAR A/L MAHALINGAM	SJKT BUKIT BERUNTUNG, PPD HULU SELANGOR
ZAKIAH BT ZAINAL	SJKC SAN YUK, PPD GOMBAK
ZURAIDA ABD RAHMAN	SJKC LICK HUNG, PPD PETALING PERDANA
HANA BT ZAABA	SMK SEKSYEN 7, PPD PETALING PERDANA
HASFARIZA BT ABD HAMID	SMK KG SOEHARTO, PPD HULU SELANGOR
HASLIZA BT ABD HAMID	SMK BUKIT GADING, PPD GOMBAK
NOR MASYITAH AYU BT ISMAIL	SMK BANDAR PUNCAK JALIL, PPD PETALING PERDANA
NORHAIDA MOHD ABDIL	SMK SHAH ALAM, PPD PETALING PERDANA

GLOSARI

ISTILAH	MAKNA ISTILAH
BOGRAF	Borang G rafik Menjana Idea Karangan
PP DAKU	P endahuluan – di mana – apa – kenapa – untuk - P enutup
MAS 3 BM	M ana – A pa - S iapa - B ila – B erapa - B agaimana - M ana
ASBAT	A pa / S iapa – B uat – A pa – T empat
TIK	T ema – I su – K ehendak
THINK	T ema – H uraian – I su - N egatif (Huraian dari aspek negatif) – K ehendak Soalan
RPH	Rancangan Pengajaran Harian
BBB	Bahan Bantu Belajar
5W 1H	<i>What – who – when – where - why dan how</i>
KCMS	Kit Celik Mengarang Selangor
KeCaHa	Ayat Kesimpulan (Ke), Ayat Cadangan (Ca) dan Ayat Harapan (Ha)
Tohucokep	Ayat T opik, Ayat H uraian, Ayat C ontoh, Ayat K esan dan Ayat P enegas

RUJUKAN

- Abdul Rasid Jamian. (2011). Permasalahan Kemahiran Membaca dan Menulis Bahasa Melayu Murid-Murid Sekolah Rendah di Luar Bandar. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 1–12.
- Awang Sariyan. (2013). *Tertib Mengarang, Asas Retorik untuk Pelajar dan Pendidik*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka
- Che Zanariah Che Hassan & Fadzilah Abd Rahman. (2011). Pelaksanaan Pengajaran Dan Pembelajaran Kemahiran Menulis Di Sekolah Rendah. *Malay Language Education Journal (MyLEJ)*, 1(1), 67–87.
- Hyerle, D. & Yeager, C. (2007). *Thinking Maps: A Language for Learning*. US: Thinking. Maps Incorporated
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2018). *Kurikulum Standard Sekolah Rendah: Bahasa Melayu Sekolah Kebangsaan Tahun 4*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2018). *Kurikulum Standard Sekolah Rendah: Bahasa Melayu Sekolah Jenis Kebangsaan Tahun 4*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2018). *Kurikulum Standard Sekolah Menengah: Bahasa Melayu Tingkatan 4 dan 5*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2016). *Laporan Tahunan 2016 Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 - 2025*. Unit Pelaksanaan dan Prestasi Pendidikan: Putrajaya.
- Mangantar Simanjuntak. (1987). *Pengantar Psikologi Modern*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Marohaini Yusof & Zulkifli A.Manaf. (1997). Pengajaran Kemahiran Menulis Karangan Bahasa Melayu di Sekolah Menengah: Satu Penilaian Kualitatif. *Pertanika J. Soc. Sci. & Hum.* 5 (2): 65-7
- Mohd. Khir Kassim & Marzukhi Nyak Abdullah. (2009). *Panduan KBSM. Karangan Gred A SPM*. Shah Alam: Cerdik Publications
- Nor Rul Azlifah Zulkafali. (2013). *Pengurusan Grafik Kemahiran Berfikir*. Kuala Lumpur. IPG Kampus Bahasa Melayu
- Pusat Perkembangan Kurikulum. (2012). *Program i-Think: Membudayakan Kemahiran Berfikir*. Putrajaya: Kementerian Pelajaran Malaysia.



KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA

Jabatan Pendidikan Negeri Selangor

Unit Bahasa, Sektor Pembelajaran
2020